

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL**  
**[ SEKIJANG ]**  
**TARIKH : 27 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian berhasrat untuk mewujudkan pembelajaran hak asasi manusia dan pendidikan seks di setiap peringkat pendidikan sama ada di sekolah mahupun di institusi pengajian tinggi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha dan komited untuk memberi penerangan dan kesedaran kepada murid-murid tentang hak asasi manusia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui Pendidikan Sivik yang dijalankan di sekolah, murid-murid telah pun diajar tentang hak asasi manusia di bawah tajuk nilai bertanggungjawab.

Di peringkat institusi pengajian tinggi pula, pembelajaran hak asasi manusia telah diserapkan ke dalam Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) melalui kursus Penghayatan Etika dan Peradaban yang ditawarkan di institusi pendidikan tinggi. Melalui kursus ini, pelajar akan didedahkan dengan ilmu berkaitan isu kesamarataan peluang dan keadilan sosial. Selain itu, pelajar juga didedahkan kepada hak asasi manusia melalui program dan aktiviti kokurikulum berbentuk kelab, persatuan, sukan dan badan beruniform.

## NO. SOALAN : 23

Berkaitan dengan pendidikan seks pula, Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS) yang merangkumi elemen 'Pendidikan Seksualiti' telah pun dijalankan melalui kurikulum Pendidikan Kesihatan sejak tahun 1989 di sekolah menengah dan tahun 1994 di sekolah rendah. Silibus PEERS yang merangkumi topik seperti hak kanak-kanak, jenayah seksual dan keganasan rumahtangga digubal berdasarkan kepada tahap perkembangan kognitif serta kesesuaian peringkat umur kumpulan sasaran.

Di peringkat institusi pengajian tinggi, banyak program yang berkaitan dengan pendidikan seks dibuat untuk meningkatkan kesedaran pelajar seperti Seminar Pendidikan Seks menurut Perspektif Islam, pelaksanaan kuliah-kuliah agama dan moral, dan perkongsian ilmu dari tokoh-tokoh akademik. Pihak Kementerian dan institusi pendidikan tinggi juga melaksanakan kerjasama dengan pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), serta Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) yang berperanan dalam membuat hebahan tentang isu-isu semasa negara termasuklah mengadakan forum, ceramah dan *roadshow* kesedaran.

Sekian, terima kasih.